

# Permohonan Najib dapatkan dokumen 1MDB gagal

UM  
- 13/7/2021  
mls: 13

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Mahkamah Tinggi di sini semalam menolak permohonan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mendapatkan dokumen berkaitan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) dengan syarikat milik ahli keluarga bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Hakim Collin Lawrence memutuskan demikian pada hari ini yang ditetapkan untuk mendengar keputusan bagi permohonan ahli Parlimen Pekan itu.

Beliau berkata permohonan berkenaan adalah pramatang.

Mahkamah sama juga menolak permohonan Najib bagi mendapatkan rekod telefon bimbit pegawai bank Goldman Sachs, Tim Leissner.

Pada 24 Mac lalu, Najib, 67, memfailkan permohonan untuk mendapatkan 19 dokumen bank bagi beberapa buah syarikat yang dikaitkan dengan Datuk



**NAJIB Tun Razak tiba bagi mendengar keputusan berhubung permohonannya untuk mendapatkan dokumen yang melibatkan pembabitan anggota keluarga Zeti Akhtar Aziz dan Goldman Sachs di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

Dr. Tawfiq Ayman yang merupakan suami kepada Zeti.

Najib sekali lagi pada 5 April juga memohon dibekalkan dengan beberapa lagi dokumen termasuk perjanjian penyele-

saian Malaysia dengan Goldman Sachs.

Dalam affidavit yang disahkan oleh Najib bagi menyokong permohonannya, beliau berkata, pendedahan berhubung penye-

lesaan dengan Goldman Sachs itu penting dalam pembelaannya dan hak beliau untuk perbicaraan yang adil.

Beliau turut memohon transkrip atau laporan forensik daripada perbualan telefon Tim Leissner, yang juga bekas rakan kongsi Goldman Sachs di Asia, serta data yang disimpan oleh pelayan (server) Goldman Sachs melibatkan komunikasi Leissner.

Beliau memohon kesemua dokumen tersebut atas dakwaan mengandungi keterangan yang berpihak kepadanya dalam membuktikan pembelaannya dalam perbicaraan kes membabitkan penyelewengan dana 1MDB berjumlah RM2.3 bilion.

Najib kini berdepan empat pertuduhan menggunakan kedudukannya bagi mendapatkan rasuah berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.